



MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP)
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

MSWP adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri mempelawa Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN (KONTRAK) GRED S29

1. Jawatan/ Kumpulan/ Skim/ Perkhidmatan

- (a) Jawatan : Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29
- (b) Jabatan/ Agensi : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (e) Kekosongan Jawatan : Satu (1) Kekosongan

2. Gaji Gred S29 : RM2,500.00

(Termasuk Caruman KWSP & SOCSO)

3. Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract For Service*)

4. Tempoh Lantikan : 1 Tahun

5. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan:

- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

6. Syarat Kelayakan

- (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (b) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang Pengurusan Sukan dan Sains Sukan.

7. Deskripsi Tugas


Bertanggungjawab dalam merancang, menguruskan dan melaksanakan program pembangunan bakat sukan di Wilayah Persekutuan termasuk kerja-kerja menyelaras aktiviti-aktiviti pembangunan sukan di peringkat akar umbi dan aktiviti-aktiviti berkaitan.

8. Cara Memohon

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara ATAS TALIAN sahaja melalui *google form* pautan link: <https://bit.ly/PermohonanJawatanCfSS29>;

ATAU

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



- (b) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan gambar terkini berukuran passport;
- (c) Permohonan yang **lewat diterima dan tidak memenuhi syarat-syarat** yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan;
- (d) Hanya pemohon yang layak dan melepas tapisan akan dipanggil temu duga;
- (e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) minggu dari tarikh akhir temu duga adalah dianggap sebagai tidak berjaya; dan
- (f) **Borang Permohonan** perlu dikembalikan semula melalui pos, serahan tangan atau emel ke alamat seperti dibawah:

Pengarah
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,
62100 PUTRAJAYA
Tel: 0388926608 / 0388926702 / 88926630
Emel: shamshul.ahmad@wipers.gov.my

9. Perbelanjaan

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga tersebut.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)